



Ruj. Kami : SMKTP.600-3/1/4 (02)

Tarikh : 23 Mac 2022

Semua Ibu Bapa / Penjaga
SMK Tiara Permai
KUALA LUMPUR

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN AWAL PELAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM BAGI SESI AKADEMIK TAHUN 2023/2024

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan Subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai PU(A) 531/97 bahawa kegiatan kokurikulum adalah **WAJIB**. Seperti yang nyatakan dalam Perkara 5.1 Surat Pekeliling ikhtisas Bil.1/1985 KP(BS)8591/Jid. ||(29), "Matlamat gerak kerja kokurikulum yang dikehendaki ialah penyertaan setiap orang murid. Setiap murid hendaklah mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu gerak kerja badan beruniform, satu kegiatan persatuan atau kelab dan satu kegiatan sukan atau permainan.

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, aktiviti kokurikulum bagi Sesi Akademik Tahun 2023/2024 akan dilaksanakan bermula **dari minggu ke-6 hingga minggu ke-28** dengan jadual pelaksanaan seperti berikut:

| AKTIVITI KOKURIKULUM | HARI | MASA |
|----------------------|--------|---------------------------------|
| Sukan dan Permainan | Selasa | 01.30 tengah hari – 3.30 petang |
| *Badan Beruniform | Rabu | 01.30 tengah hari – 3.30 petang |
| *Kelab/Persatuan | Rabu | 01.30 tengah hari – 3.30 petang |

**Dilaksanakan secara bergilir*

4. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah memohon kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan anak/anak jagaan masing-masing terlibat dan hadir dalam semua aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan oleh pihak sekolah. Kad aktiviti kokurikulum hendaklah dibawa semasa aktiviti dijalankan dan ditandatangani oleh guru penasihat untuk tujuan markah penilaian kokurikulum.

5. Pelaksanaan aktiviti kokurikulum ini selaras dengan Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Pemakluman awal ini bertujuan bagi memudahkan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan merancang urusan pengangkutan anak/anak jagaan masing-masing dan hal-hal yang berkaitan bagi memastikan anak/anak jagaan masing-masing dapat mengikuti aktiviti kokurikulum sepenuhnya.

...2/-

6. Jadual pelaksanaan aktiviti kokurikulum di atas adalah tertakluk kepada pindaan dan sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan. Pertanyaan lanjut mengenai pemakluman awal ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi guru kelas anak/anak jagaan masing-masing.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN AB KADIR *AMW*)

Pengetua

SMK Tiara Permai

Kuala Lumpur.